

# Banjir tinggal kesan psikologi, psikososial mangsa

Bencana banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan yang terbaru Sarawak, diketahui ramai adalah antara terburuk dalam sejarah negara. Banjir di Kelantan dikatakan lebih buruk berbanding bencana sama yang berlaku pada tahun 1967 dan 1971. Banjir besar ini memberi kesedaran kepada kerajaan untuk memberi fokus kepada aspek pengurusan bencana yang lebih kompeten dan efisien.

Banjir yang berlaku memberi kesan kepada kehilangan nyawa, harta benda serta pengurangan kualiti kehidupan rakyat. Banjir di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Disember 2006 dan Januari 2007 diakui teruk sehing-

ga menyebabkan kira-kira 100,000 orang terpaksa tinggal di pusat pemindahan banjir. Statistik banjir kali ini menyebabkan bilangan yang tinggal di pusat pemindahan banjir lebih tinggi.

## Kanak-kanak, warga tua alami tekanan

Di Malaysia, banjir seperti juga bencana lain memberi kesan psikologi dan emosi. Contohnya, banjir 2006 di Johor meninggalkan kesan psikologikal yang tinggi kepada mangsa terutama kanak-kanak dan warga tua. Mangsa banjir mengalami tekanan yang kronik seperti perubahan psikologi, ketakutan, keclaruhan anxiety dan kemurungan (Victoria, Holly & Dominic, 2010).

Banyak kajian membuktikan banjir memberi kesan mendalam kepada mangsa. Kesan psikologi juga berbeza bergantung kepada faktor demografi seperti pendapatan isi rumah, jantina, umur dan pendidikan.

Kajian oleh Y Badiah dan rakan-rakan (2008) ke atas mangsa banjir di Johor menunjukkan mereka mengalami stres, kebimbangan dan kemurungan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian dilakukan pada tahun 2004 yang menunjukkan kesan psikologi mendalam dan berpanjangan kesan daripada *Red River Flood* di Manitoba, Canada.

Kajian Rohany Nasir bersama rakan-rakan yang melihat impak psikologi mangsa banjir di Johor pada tahun 2006/2007 mendapati mangsa mengalami kesan kognitif, emosi dan tingkah laku seperti ketakutan, kebimbangan, dan kemurungan. Mereka mencadangkan sokongan sosial yang kuat daripada pihak yang

mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan stres.

Kajian Sapora dan rakan-rakan (2014) yang melihat kesan banjir di Batu Pahat juga mendapati mangsa banjir memerlukan bantuan terutama dari segi emosi dan material. Menerima sokongan sosial dilihat sebagai amat penting dalam memberi keseimbangan kehidupan.

## Kesedaran persiapan hadapi banjir

Realitinya, banjir bukan sahaja memberi kesan buruk kepada semua mangsa. Ia juga memberi kesan kepada kesedaran manusia terutama dalam persiapan menghadapi banjir. Banjir telah membuka mata berkenaan sistem perparitan yang bermasalah serta beberapa aktiviti pembalakan yang tidak dirancang.

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika menyampaikan

ucap-tama pada Majlis Perutusan Tahun Baharu 2015 Kementerian Pendidikan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) mengumumkan penubuhan Pusat Penyelidikan Kecemerlangan Negara yang memfokuskan kepada penyelidikan dalam bidang pengurusan bencana.

Sejajar penubuhannya, dana penyelidikan khas berjumlah RM20 juta yang menumpukan sepenuhnya untuk bidang pengurusan bencana dan mitigasi banjir disediakan.

Sehubungan itu, kajian perlu dilakukan dalam mencari kaedah terbaik untuk mengelakkan masa depan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat terjejas akibat sumber alam yang tidak diurus dengan baik.

## Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon,

Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia